

Headline	Subsidi tepat pada masa		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Feb 2014	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Mahkamah	Color	Black/white
Page No	10	ArticleSize	107 cm ²
AdValue	RM 959	PR Value	RM 2,876



Subsidi tepat pada masa

SHAH ALAM - Subsidi sehingga RM30,000 yang diumumkan di bawah Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) sangat bertepatan dengan objektif kerajaan untuk memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah memiliki rumah.

Pakar Ekonomi dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Amir Hussin Baharudin berkata, idea itu sangat baik dan mereka yang berkelayakan harus menyambut baik pengumuman itu.

"Rakyat perlu faham, agensi terlibat mungkin tidak mempunyai rekod yang tepat berapakah jumlah sebenar yang layak mendapat bantuan ini, jadi sudah pasti akan ada lebih permintaan daripada jumlah tawaran.

"Sehubungan itu, mereka yang merasakan diri layak perlu segera membuat permohonan tersebut agar tidak ketinggalan," katanya.

Katanya, pembeli juga perlu memberikan kerjasama dengan membuat rekod yang baik kepada pihak bank supaya program ini dapat diteruskan pada masa depan.

"Mereka yang berpeluang perlu menjaga rekod dengan baik, bayar ansuran kepada bank dengan teratur. Jangan ada yang burukkan rekod itu jika tidak program seumpama ini akan sukar dilaksanakan lagi di masa depan," katanya.

Menurut Amir, peruntukkan tambahan perlu diberikan dari semasa ke semasa bagi membolehkan sasaran kerajaan membantu golongan ini memiliki rumah tercapai.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, mengumumkan peruntukan itu selepas memengerusikan mesyuarat pertama Majlis Perumahan Negara.

Inisiatif MyHome diumumkan dalam pembentangan Bajet 2014.